

06/10/2002

Diplomat Amerika berebut mahu berkhidmat di Malaysia

Munshi

PEGAWAI Kedutaan Amerika Syarikat segera meminta maaf kepada Malaysia kerana layanan kasar terhadap pemimpin negara ini ketika mereka berada di lapangan terbang New York dan Los Angeles sewaktu melawat AS, baru-baru ini. Pegawainya berjanji akan bekerjasama rapat dengan pejabat kedutaan dan konsul Malaysia dan pejabat protokol lain bagi mengelakkan perkara itu berulang.

MUNSHI: Layanan kasar dan buruk terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memanglah tidak wajar dan bukti diskriminasi jelas Amerika terhadap negara kita. Pegawai kedutaan Amerika di sini sebenarnya sedar mereka diberi layanan istimewa dan tidak pernah diganggu-gugat baik oleh pemimpin kerajaan mahupun rakyat biasa dalam menjalankan tugas mereka.

Bangunan kedutaan pun sentiasa selamat dan tidak diancam penunjuk perasaan tidak terkawal. Polis mengawal ketat kedutaan sedang selama ini pegawai dan kedutaan terjamin selamat.

Namun apa yang lebih penting adalah bertugas di Malaysia sebagai diplomat menjadi idaman ramai pegawai Jabatan Negara Amerika Syarikat. Ini menyebabkan persaingan hebat di kalangan mereka sendiri setiap kali pertukaran pegawai dilakukan. Dua contoh menarik adalah Frank Whitaker, pegawai akhbar dan atace komersial, Virginia Kivis.

Menurut ceritanya, Whitaker yang bertugas di China sebelum ini berebut dengan beberapa rakannya untuk dihantar ke Malaysia. Beliau begitu gembira kerana mendapat peluang berkhidmat di sini. Kini dia tinggal bersama enam anaknya di sebuah rumah di kawasan seluas 20,000 kaki persegi dekat Ampang.

Hartanah milik kedutaan bernilai lebih kurang RM3 juta itu hampir dijual kerana jarang ada diplomat mempunyai ramai anak bertugas di Kuala Lumpur. Tetapi sebagai pengikut Mormon (mengharuskan poligami dan ramai anak), Whitaker dan isterinya tidak mengamalkan perancangan keluarga. Beliau mahu ke Indonesia apabila perlu bertukar kelak.

Virginia pula, seorang bekas anggota Peace Corps terus memilih Malaysia apabila tempoh khidmatnya di Sydney, Australia tamat. Selain keadaan yang aman damai, dia sudah pun diberitahu betapa seronoknya makanan dan budaya masyarakat dan kesan sejarah di Melaka, Langkawi dan tidak mahu melepaskan peluang ke Fraser's Hill dan Cameron.